



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (3) 04/C/P/NKD/656-1

26 April 2021

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (Mf)

Tuan/Puan

**PINDAAN KRITERIA PERMOHONAN TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN (THROUGHPUT)
KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF) – PEKELILING Pk (EL) MPOB/01/2021**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga MPOB ke 116 yang diadakan pada 2 April 2021 telah meluluskan pindaan kriteria permohonan tambahan daya pemprosesan (throughput) kilang buah kelapa sawit (MF). Pindaan yang terlibat adalah penetapan had maksimum daya pemprosesan tahunan (270,000 tan) bagi pengecualian pemasangan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana oleh kilang-kilang sedia ada yang memohon tambahan daya pemprosesan. Di samping itu lanjutan tempoh pemasangan fasiliti selama tiga tahun bagi kilang-kilang sedia ada di Sarawak adalah berkuat kuasa dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023 sahaja.
3. Bersama-sama ini disertakan pekeliling Pk (EL) MPOB/01/2021 berserta kriteria permohonan tambahan tambahan daya pemprosesan (throughput) kilang buah kelapa sawit untuk makluman dan rujukan.
4. Pekeliling penguatkuasaan ini akan berkuat kuasa mulai **2 Mei 2021**.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah





**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk (EL) MPOB/01/2021
Tarikh Kuatkuasa : 2 Mei 2021
Perkara : **PELAKSANAAN KRITERIA BAHARU PERMOHONAN TAMBAHAN
DAYA PEMROSESAN (THROUGHPUT) KILANG BUAH KELAPA
SAWIT (MF) – PINDAAN**

1. TUJUAN

Untuk memaklumkan pemegang lesen kategori kilang buah kelapa sawit (MF) pindaan kriteria baharu bagi permohonan tambahan daya pemprosesan (throughput) kilang buah kelapa sawit.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada 1 Januari 2021 MPOB telah mengeluarkan pekeling penguatkuasaan Pk (EL) MPOB/04/2020 kepada semua pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) berkaitan pengecualian pemasangan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana jika memproses buah kelapa sawit 45 tan ke bawah sejam atau 216,000 tan ke bawah setahun untuk memohon penambahan daya pemprosesan kilang. Walau bagaimanapun bagi mengelakkan kekeliruan, Lembaga MPOB pada 2 April 2021 melalui mesyuarat Lembaga Ke-116 telah meluluskan pindaan had maksimum jumlah daya pemprosesan bagi pengecualian pemasangan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana kepada 270,000 tan setahun dan ke bawah tanpa mengira jumlah pemprosesan sejam. Selain itu, lanjutan tempoh pengecualian pemasangan kemudahan gas metana selama 3 tahun bagi kilang-kilang sedia ada di Sarawak yang memohon tambahan daya pemprosesan adalah dikira bermula dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023.

2.2 Kriteria permohonan tambahan daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit yang telah dipinda adalah seperti **Lampiran A**.

3. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuat kuasa Pekeliling Pk (EL) MPOB/01/2021 ini adalah pada **2 Mei 2021**.

4. PEMBATALAN

Dengan ini, kriteria permohonan tambahan daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit yang telah diedarkan melalui Pekeliling Pk (EL) MPOB/4/2020 bertarikh 1 Januari 2021 adalah dibatalkan.

5. PENGESAHAN & KELULUSAN


DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR
Ketua Pengarah MPOB

Tarikh : **26/4/2021**

KRITERIA PERMOHONAN TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN
KILANG BUAH KELAPA SAWIT
(Berkuat kuasa 2 Mei 2021)

KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk menambah daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti perniagaan yang sah.

2. Prasarana (kesesuaian premis).

Kelulusan Jabatan Alam Sekitar (JAS):

Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar negeri selari dengan keupayaan yang dipohon untuk tambahan daya pemprosesan kilang tersebut.

(Pengiraan: ___ tan x 20 jam x 25 hari x 12 bulan = tan/thn)

3. Kajian Fesibiliti.

Pemohon perlu menyediakan laporan *feasibility study* berkaitan sumber bekalan FFB, kajian pasaran, keperluan daya pemprosesan, teknologi yang akan diguna pakai dan pelan pengurusan biomass (*methane trapping*).

4. Pemerangkapan / Pengelakkan Pelepasan Gas Metana.

a. Berkuat kuasa 1 Januari 2014, semua kilang buah kelapa sawit (MF) sedia ada yang memohon tambahan daya pemprosesan buah kelapa sawit mesti memasang alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana. Walau bagaimanapun, berkuat kuasa pada 2 Mei 2021 pengecualian pemasangan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana diberi kepada kilang yang memproses buah kelapa sawit **270,000** tan setahun dan ke bawah. Mana-mana kilang sedia ada yg memohon penambahan daya pemprosesan tahunan **MELEBIHI** 270,000 tan buah kelapa sawit setahun diwajibkan untuk memasang fasiliti pemerangkapan biogas atau teknologi pengelakkan pelepasan metana atau kedua-duanya sekali dengan kadar penggunaan POME sebanyak 80% ($\pm 5\%$) daripada kapasiti POME yang dihasilkan.

b. Bagi kilang-kilang sedia ada di Sarawak yang memohon tambahan daya pemprosesan buah kelapa sawit, tempoh pengecualian pelaksanaan mandatori pemerangkapan biogas dilanjutkan sehingga maksimum tiga (3) tahun berkuat kuasa dari **1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2023**

KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk menambah daya pemprosesan kilang buah kelapa sawit sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

sahaja dengan bersyarat kelulusan yang diberi akan di tarik balik jika masih gagal membina dan melaksanakan kemudahan pemerangkapan biogas.

Contoh teknologi pengelakkan pelepasan metana adalah seperti berikut:

- i. Penggunaan POME - biokompos (POME + EFB)
- ii. Teknologi buangan sifar POME (contoh: pengewapan/evaporation)
- iii. Rawatan POME tanpa melibatkan proses anerobik

5. Kadar Perahan Minyak (OER).

- a. Pencapaian OER hendaklah sebanyak 19% dan ke atas bagi semua kilang-kilang buah kelapa sawit di seluruh Malaysia; atau
- b. Bagi kilang yang mencapai OER kurang 19% di Semenanjung dan Sabah adalah mengambil kira formula $OER + KER = \geq 24.5\%$ manakala bagi Sarawak $OER + KER = \geq 23.5\%$

6. Penilaian Kecekapan Kilang.

Daya pemprosesan dimohon sesuai dengan penilaian kecekapan kilang oleh Bahagian Penyelidikan Kejuruteraan & Pemprosesan, MPOB.

7. Teknologi Baharu Pengilangan.

Cadangan automasi kilang atau inovasi pengilangan lain seperti mengguna pakai teknologi terkini terutama teknologi MPOB.